



8 Disember 2014  
8 December 2014  
P.U. (A) 325

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PINDAAN JADUAL KEDUA) (NO. 2) 2014

*ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM  
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES  
(AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) (NO. 2)  
ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001**

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PINDAAN JADUAL KEDUA)  
(NO. 2) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan Jadual Kedua) (No. 2) 2014.**

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dipinda dalam Jadual Kedua—

- (a) dengan memasukkan butiran yang berikut di bawah kepala “Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*]”:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
Seksyen 4B	Kesalahan yang berhubungan dengan urus niaga mesin perjudian
Seksyen 9	Membeli tiket loteri

”;

- (b) dengan memasukkan selepas kepala “Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37]” dan butiran yang berhubungan dengannya kepala dan butiran yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
<b>Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]</b>	
Subseksyen 56(1)	Kesalahan melindungi orang yang telah melanggar Akta, membuat laporan palsu, dsb.

”;

- (c) dengan memasukkan selepas kepala “Akta Cakera Optik 2000 [Akta 606]” dan butiran yang berhubungan dengannya kepala dan butiran yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
<b>Akta Pasport 1966 [Akta 150]</b>	
Subseksyen 12(1)	Kesalahan memalsukan, mengubah atau mengusik pasport, dokumen perjalanan dalam negeri atau visa, dsb.

”; dan

- (d) dengan memasukkan butiran yang berikut di bawah kepala “Kanun Keseksaan [Akta 574]”:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
Seksyen 130V	Anggota suatu kumpulan jenayah terancang
Seksyen 130W	Membantu suatu kumpulan jenayah terancang

”.